



UCAPAN

**Y.B. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BILANGAN 4/2016

DEWAN PERDANA NUR, KPWKM

19 JULAI 2016 (SELASA)

9.00 PAGI

[SALUTASI]

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, saya memanjangkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama sekali lagi berkumpul di majlis perhimpunan bulanan KPWKM di pagi yang indah ini. Hari ini merupakan Syawal yang ke-14, masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga KPWKM.
2. Alhamdulillah, kita semua telah dapat bersama-sama pulang ke kampung untuk meraikan Hari Raya bersama keluarga dan kembali semula bekerja dengan selamat. Kempen 'Tiada Telefon Bimbit ketika Aidilfitri' bagi menggalakkan orang ramai melupakan sebentar telefon bimbit ketika mengunjungi rumah terbuka, saudara mara atau rakan sedikit sebanyak telah berjaya mencuri tumpuan.
3. Mengenang kembali sejarah tragedi MH17 yang mana pada Ahad lalu genap 2 tahun pesawat tersebut dipercayai ditembak jatuh, marilah sama-sama kita mengenang kembali mereka yang telah terkorban dengan bertafakur seketika dan menyedekahkan Al-fatihah.

KETUA SETIAUSAHA KPWKM YANG BAHARU

4. Di kesempatan ini juga saya berbesar hati ingin mengucapkan selamat datang kepada Ketua Setiausaha KPWKM baharu iaitu YBr. Dr. Rose Lena Lazemi yang menggantikan Dato' Sabariah Hassan. Untuk makluman hadirin semua, Dr. Rose Lena telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama lebih 27 tahun sebelum ini

merupakan Pengarah Bahagian Transformasi Perkhidmatan Awam di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Saya juga ingin mengucapkan Selamat datang kepada Ketua Pengarah JPW yang baharu iaitu Datuk Yatimah Sarjiman yang telah mula menjalankan tugas 2 minggu yang lalu. Saya penuh yakin dengan kelayakan dan pengalaman yang ada serta kredibiliti yang dimiliki kedua mereka dapat meneruskan visi KPWKM sebagai peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender dalam pembangunan ekonomi dan sosial Negara serta membawa idea-idea baru serta transformasi dalam Kementerian.

5. Walau bagaimanapun kita semua tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih dan selamat maju jaya kepada YBhg. Dato' Sabariah Hassan yang telah berpindah ke Jabatan Perkhidmatan Awam. Pertukaran jawatan merupakan sesuatu yang sangat normal dipraktikkan dalam mana-mana organisasi. Saya menyambut baik mana-mana pertukaran dan percaya bahawa pertukaran ini akan banyak memberi manfaat kepada kedua belah pihak.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

PERSIDANGAN WANITA SEDUNIA, POLAND

6. Sukacita ingin saya kongsi di sini pengalaman saya sewaktu lawatan kerjaya Poland Jun lalu bahawa Program Wanita Kembali ke Pasaran Kerja atau *Program Career Comeback* di Malaysia telah mendapat perhatian dan pujian dari seluruh delegasi di Persidangan Wanita Sedunia Warsaw, Poland. Presiden Global Summit of Women,

Irene Natividad menyeru supaya negara-negara lain mencontohi usaha mulia Malaysia agar wanita boleh kekal produktif dalam pasaran buruh, yang menjadi salah satu perjuangan utama kaum wanita dalam mencapai kesaksamaan gender.

7. Untuk makluman semua, persidangan yang bertemakan "*Women: Building an Inclusive Economy in the Digital Age*" telah melibatkan penyertaan dari 74 negara dari seluruh dunia dengan seramai 1,000 peserta.

SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN

8. Seperti yang kita semua sedia maklum, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) akan menganjurkan sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016 pada 25 Ogos nanti. Sambutan Hari Wanita Kebangsaan merupakan platform bagi memberi pengiktirafan atas sumbangan wanita dalam pembangunan dan kemajuan negara. Sukacita ingin saya maklumkan bahawa Tema Hari Wanita Kebangsaan pada tahun ini adalah "**SEPADU USAHA - TIADA WANITA KETINGGALAN**" adalah bertepatan dengan komitmen Malaysia untuk terus memperkasa wanita ke arah kesaksamaan gender. Tema pada tahun ini membawa mesej jelas bagi memastikan setiap wanita mencapai potensi yang paling optimum, kerjasama dan usaha secara bersama oleh semua pihak adalah agenda yang paling utama.
9. Sambutan hari wanita kali ini dijangka akan melaksanakan pelbagai pengisian program yang berinformasi. Antara lain ia bertujuan untuk

memberi pendedahan, maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat umum terutamanya kepada golongan wanita tentang isu-isu serta peluang yang sedia ada, cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dan persekitaran masa kini dan akan datang agar wanita mempunyai daya saing untuk mencapai perkongsian saksama antara wanita dan lelaki.

10. Menjelang Hari Wanita ini juga, satu siri roadshow telah dilaksanakan bermula di Kuching pada minggu lalu yang mana seminar Literasi Undang-Undang dan Pengurusan Emosi dengan mengenengahkan topik Kesedaran Wanita Terhadap Alam Siber ditelah diperkenalkan. Ia akan menjelajah beberapa negeri lagi menjelang kemuncaknya pada Hari Wanita pada 25 Ogos nanti.

11. Sambutan Hari Wanita Kebangsaan, Sidang Kemuncak Wanita dan satu majlis makan malam akan diadakan bersekali serentak dengan kerjasama *tripatite* antara Kementerian bersama *National Council of Women's Organisation Malaysia* (NCWO) dan Universiti Kebangsaan Malaysia bertempat di *Putrajaya International Convention Centre* (PICC). Saya berharap dengan adanya sambutan Hari Kebangsaan Wanita ini akan dapat memberi manfaat kepada wanita secara khususnya dan menjadi satu platform untuk mengintegrasikan wanita dalam pelbagai aspek untuk meluahkan pandangan dan isu dalam agenda pembangunan negara. Saya juga terut teruja bila mana mendapat tahu melalui sumber tidak rasmi bahawa YAB PM akan turut serta meraikan wanita pada hari tersebut.

LAPORAN NEGARA KETIGA, KEEMPAT DAN KELIMA CEDAW

12. Kita juga dapat sama-sama meraikan satu kejayaan buat wanita Malaysia dengan baru-baru ini Laporan Negara Ketiga, Keempat dan Kelima Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Jun 2016 dan selanjutnya pihak Kementerian Luar Negeri telah kemukakan kepada urus setia CEDAW di Geneva pada 5 Julai 2016. Fokus seterusnya adalah untuk negara bersiap sedia menghantar delegasi Malaysia ke Geneva bagi tujuan membentangkan dan mempertahankan laporan berkenaan.

Hadirin sekalian,

ANJUNG SINGGAH DAN ANJUNG KASIH YKN

13. YKN kini telah memperluas projek-projek perkhidmatan kepada golongan sasaran seperti Anjung Singgah iaitu pusat intervensi untuk gelandangan dan Anjung Kasih, iaitu tempat penginapan sementara yang dibina di hospital-hospital untuk waris yang sedang mendapatkan rawatan di hospital. Antara Anjung Singgah yang telah beroperasi adalah Anjung Singgah Kuala Lumpur; Anjung Singgah Kuching, Sarawak, Anjung Singgah Johor dan Anjung Singgah Pulau Pinang. Dua buah lagi Anjung Singgah yang sedang dalam proses pembinaan adalah Anjung Singgah Ipoh, Perak dan Anjung Singgah Kota Kinabalu, Sabah.

14. Dalam menitikberatkan kepentingan golongan gelandangan, YKN lebih memberi fokus kepada intervensi kaunseling diri kepada gelandangan untuk mereka berubah melalui tawaran pekerjaan,

tempat tinggal, rujukan kepada agensi berkaitan atau kembali ke pangkuan keluarga. Bagi memberi semangat dan sokongan kepada gelandangan, pada Ramadhan yang lalu, YKN telah mengadakan program Sinar Kasih Ramadhan bersama golongan gelandangan dengan sumbangan baju raya dan barangan keperluan diri. Sementara itu, terdapat 8 buah Anjung Kasih yang telah memberi manfaat kepada seramai 22,471 orang yang memerlukan sejak ia ditubuhkan tahun 2006. Dengan kemudahan Anjung Kasih ini dapat menjimatkan kos penginapan yang tinggi kepada waris pesakit dan menghindari masalah jangkitan penyakit dan kepadatan di wad hospital. Antaranya Hospital Selayang, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Hospital Miri, Sarawak, Hospital Sibu, Sarawak, Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh, Hospital Tunku Jaafar, Seremban, Hospital Umum, Sarawak, dan Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh. YKN akan memperluaskan lagi kemudahan Anjung Kasih ini di beberapa buah hospital terpilih sama ada melalui peruntukan Kementerian Kewangan atau dengan cara pendedahan CSR bersama Syarikat Korporat, GLC, bank-bank, dan lain-lain. Sebagai tanda keprihatinan di musim perayaan, program Selami Kasih YKN telah diadakan menjelang hari raya yang lalu bagi memberi sumbangan barangan persiapan hari raya kepada penghuni Anjung Kasih YKN yang sedang menunggu waris mereka yang sedang mendapatkan rawatan di hospital serta kakitangan hospital terpilih yang bertugas di musim perayaan.

PENUTUP

15. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yayasan Kebajikan Negara selaku penganjur bagi Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM kali ini.

16. Dengan kata-kata sedemikian, saya akhiri ucapan saya. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*